

TARIKH: 29/7/23
SURAT KHABAR: Kosmo (Sabtu)
MUKA SURAT: 35

Kosmo! SABTU 29 JULAI 2023

M515



SIVAKUMAR (tengah) bertanya khabar dengan Mohd. Syuhaimy Affendy Siron yang menerima sumbangan kerusi roda pada Karnival Kerjaya MYFuture Jobs di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim semalam.

Turut membantu individu 40 tahun kembali bekerja

MYFuture Jobs bantu 11,416 dapat kerja

Oleh AZAHAR HASHIM

KULIM — Program MYFuture Jobs yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dapat memberi impak yang besar kepada pencari kerja.

Menteri Sumber Manusia, V.Sivakumar berkata, program tersebut berjaya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini seterusnya mengurangkan masalah pengangguran.

Katanya, sepanjang tahun 2022, seramai 11,416 orang telah berjaya dibantu mendapat pekerjaan di seluruh negara menerusi portal MYFutureJobs.

"Bagi Januari hingga 14 Julai 2023 pula, seramai 3,138 orang telah berjaya memperoleh pekerjaan di Kedah.

"Saya amat berharap pengan-

jurran Karnival Kerjaya MYFutureJobs yang sedang berlangsung ini dapat mencapai angka lebih tinggi dan memberi manfaat sebesar-besarnya kepada rakyat di negeri ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian karnival berkenaan dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Kedah 2023 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, di sini semalam.

Sementara itu, kata Sivakumar, menerusi temu duga khas yang diadakan, seramai 12,345 individu yang berusia 40 tahun ke atas berjaya dibantu bekerja semula di seluruh negara.

Ujarnya, jumlah itu direkodkan sejak Januari hingga 14 Julai tahun ini dan percaya lebih ramai lagi akan mendapat pekerjaan menjelang hujung tahun ini.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 478 orang berusia 40 tahun dan ke atas berjaya dibantu bekerja semula di negeri Kedah," ujarnya.

Beliau berkata, terdapat sebanyak 50 majikan yang berpengaruh dalam bidang masing-masing dihipunkan dalam program berkenaan.

"Ia memberi 4,000 peluang pekerjaan merentasi pelbagai sektor dan bidang yang wajar direbut oleh semua pencari kerja di negeri Jelapang Padi ini," jelasnya.

Sementara itu dalam perkembangan lain, katanya, kerajaan melalui Perkeso menyelami kekurangan kewangan dialami mereka yang baru memulakan langkah awal untuk bertapak dalam dunia pekerjaan.